

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : SETEMPAT

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengalu-alukan penggunaan rawatan tradisional bagi merawat kanser gynaecology sekiranya terbukti ia mampu memberi kesan positif terhadap kumpulan penyakit berkenaan.

Menterinya Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, kajian mengenai perubatan tradisional secara saintifik sudah dijalankan dan ia dipraktikkan di China dan India.

“Kita masih di peringkat kajian tetapi tidak menolak sekiranya rawatan tradisional mampu memberi kebaikan kepada pesakit dengan mengurangkan kesan dan risiko selepas menjalani kemoterapi.

“Penyakit gynaecology dirawat dengan cara berbeza mengikut jenis kanser justeru, rawatan tradisional perlu dibuktikan secara saintifik agar dapat memberi manfaat kepada semua pesakit kanser,” katanya pada sidang media National Gynaecology Conference (NGOC) 2017 di DoubleTree by Hilton, semalam.

Hadir sama, Presiden Ma-

Rawatan tradisional rawat kanser perlu bukti saintifik



DR Subramaniam (dua dari kiri) melawat kiosk di National Gynaecology Conference (NGOC) 2017, semalam.

laysia Gynaecological Cancer Society (MGCS) Datuk Dr Mohd Rushdan Md Noor dan Pengerusi Jawatankuasa NGOC 2017 Dr Vicknesh Visvalingam.

Persidangan NGOC yang berlangsung dari 29 September hingga 1 Oktober itu dihadiri lebih 500 doktor dan pakar perubatan dalam bidang berkenaan yang me-

masukinya tahun ketiga penganjurannya.

Malaysia National Cancer Registry (MNCR) menyenaraikan kanser servik, ovari dan uterus berada pada kedudukan ketiga, keempat dan ketujuh dalam senarai 10 kanser utama di Malaysia sejak 2007 hingga 2011.

“Daripada 100,000 penghidap pelbagai kanser, 10,000

daripadanya berada dalam kumpulan gynaecology.

“Saya amat berharap agar wanita di negara ini tampil menjalani ujian saringan pap smear terutama kepada mereka yang berumur hampir 40 tahun agar dapat menngesan segera kehadiran kanser dalam tubuh mereka dan ia boleh diubati pada peringkat awal,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : MEGA RONA

IPF, penyakit paru-paru kronik

MUNGKIN dalam kalangan kita kurang memahami atau langsung tidak mengetahui mengenai fibrosis pulmonari idiopatik (IPF), iaitu sejenis penyakit paru-paru kronik yang boleh membawa maut.

Penyakit ini dikenal pasti melalui kemunculan pembentukan parut pada tisu paru-paru secara progresif (meningkat secara berterusan) dalam jangka panjang.

Tisu yang semakin menebal dan mengeras akan menyebabkan pembentukan tisu berparut yang dikenali sebagai fibrosis.

Apabila ini berlaku, paru-paru akan lemah, hilang fungsi kebolehan untuk menerima dan memindahkan oksigen ke dalam

sihat

Oleh ROSMAH DAIN
rosmah.dain@utusan.com.my



aliran darah dan ke organ-organ penting lain. Memandangkan oksigen yang diperlukan tidak mencukupi, pesakit IPF mengalami sesak nafas, batuk kering berpanjangan dan sukar menjalani aktiviti fizikal harian.

Menurut Felo Perubatan Respiratori di Institut Perubatan Respiratori Kuala Lumpur, Dr. Syazatul Syakirin Sirol Afiah, penyakit ini sentiasa berubah serta tidak dapat dijangka.

Apabila parut mula muncul pada paru-paru yang menyebabkan pengurangan fungsi organ ini untuk membekalkan oksigen kepada organ-organ utama tubuh lain, secara beransur-ansur, keadaan tersebut tidak dapat dipulihkan.

Katanya, sehingga kini biarpun punca pembentukan

parut pada paru-paru masih tidak dapat dikenal pasti, namun faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi termasuk aktiviti merokok, pendedahan kepada persekitaran, jangkitan viral kronik, refluks asid yang tidak normal, serta sejarah ahli keluarga yang pernah menghidap penyakit tersebut.

"Pada peringkat awal, IPF tidak akan menunjukkan sebarang simptom namun apabila penyakit ini berterusan, pesakit-pesakit IPF akan mengalami batuk kering berpanjangan, sesak nafas dan keletihan, demam selsema yang kerap dan jangkitan paru-paru.

"Warna kulit juga bertukar kebiru-biruan dikenali sebagai sianosis, jari membentuk belantan (seperti tombol), hilang berat badan dan selera makan, "Penyakit ini berlaku di seluruh dunia dan boleh dihidapi sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa. Majoriti pesakitnya adalah lelaki berusia lebih 50 tahun, namun IPF juga berlaku dalam kalangan mereka yang berusia lebih muda.

"Pada peringkat global dianggarkan 14 hingga 43 daripada setiap 100,000 orang menghidap IPF dan ini membawa kepada sejumlah tiga juta pesakit di seluruh dunia," katanya.

Jelas Dr. Syazatul Syakirin, penyakit ini tidak ada banyak pilihan untuk rawatan.

"Sekiranya selepas pesakit didiagnos

dengan IPF, pemindahan paru-paru mungkin berupaya untuk membantu atau pesakit diberikan rawatan tertentu bagi melambatkan perkembangan penyakit ini.

"Namun, bukan senang hendak diagnos penyakit ini yang lazimnya memerlukan masa panjang sehingga dua hingga tiga tahun baru dapat dikenal pasti simptom dan penyakit.

"Ini kerana terdapat juga penyakit-penyakit lain yang mungkin mempunyai simptom sama dengan IPF yang menjadikan doktor memerlukan masa untuk menentukan adakah ia sebenarnya IPF. Akibatnya pesakit yang akan dirawat kesihatannya sudah pun merosot.


"Buat pengetahuan, penyakit IPF merupakan satu daripada 150 hingga 200 penyakit fibrosis paru-paru yang masih dalam kajian," katanya.

Dia berkata demikian pada pelancaran *Kempen Breathe for life: Fight Lung Scarring* anjuran syarikat farmasetikal, Boehringer Ingelheim di Kuala Lumpur, baru-baru ini.


Sementara itu Pakar Perunding Kanan Respiratori, Datuk Dr. Abdul Razak Abdul Muttalif berkata, perlu diwujudkan kesedaran mengenai IPF dalam kalangan orang ramai dan pakar-pakar kesihatan kerana diagnosis awal yang tepat adalah penting bagi pesakit-pesakit IPF.

"Pada peringkat global, kira-kira 50 peratus pesakit-pesakit IPF telah menerima diagnosis yang salah. Diagnosis di negara ini juga sering kali tidak menepati dan diketahui lewat.

"Hal ini terjadi kerana pengetahuan penyakit tersebut adalah rendah dalam kalangan pesakit dan doktor," katanya.



GAMBAR paru-paru penghidap IPF.



IMEJ Sinaran-X menunjukkan paru-paru mengalami tisu berparut dikenali sebagai fibrosis.